Lawatan Warga KUPU SB ke Malaysia

ROMBONGAN dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bergambar ramai bersama Timbalan Ra'es KUPU SB,Dr. Haji Adanan bin Haji Basar sebelum berlepas ke Malaysia.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 Mei. - Seramai dua orang pegawai dan 15 orang pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berlepas ke Malaysia bagi lawatan ilmiah dan kerja kemasyarakatan.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan di Dewan Berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas, ialah Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Rombongan yang diketuai oleh Dekan Pelajar, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili mengadakan lawatan ilmiah dan kerja kemasyarakatan ke beberapa buah universiti dan ke rumah anak-anak yatim di Malaysia.

Lawatan selama lima hari bermula 25 hingga 29 Mei itu, antara lain bertujuan untuk memperkenalkan KUPU SB pada peringkat serantau dan antarabangsa sebagai satu-satunya institusi pendidikan tinggi Islam yang berorientasikan perguruan dirantau ini.

Selain itu, bagi melatih mahasiswa dan mahasiswi secara berpasukan dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan bersesuaian dengan persekitaran, di samping membantu golongan anak-anak yatim dalam memberikan sumbangan dalam bentuk ilmu perguruan ugama dan sumbangan material serta khidmat masyarakat.

PUISI KHAS ADI RUMI

BERGURU KEPADA SEJARAH

Sejarah itu hebat
tiada tandingannya.
Ya, lihat sajalah
kepada Kitab Allah
(Al-Qur'an),
banyak mengungkap sejarah :
tentang alam maya
tentang manusia,
entah semenjak bila
dari alam dan manusia ini dijadikan.
Inipun saja
sudah tidak cukup – untuk
waktu dan usia menggalinya.

Tentang manusia,
sejarah bermula dari bapa kita
Sayyidina Adam dan
ibu kita Hawa,
mereka itu menempa sejarah
dengan memasuki syurga,
dan juga menempa sejarah
dengan diusir daripada syurga.
Tidakkah ini sejarah yang hebat?
Ya, mana mungkin
sejarah seperti ini
akan berulang lagi?
Yakinlah, Mukmin!
Ia tidak akan berulang lagi.

Dari pasangan inilah
kita berkembang . . .
melahirkan keturunan demi keturunan,
ada keturunan baik-baik
dan tidak kurang pula
yang sebaliknya :
yang baik menyibarkan kebaikan
yang jahat pula menjana kejahatan,
lalu, jadilah dunia ini sengit
dengan persaingan
di antara kebaikan dan kejahatan,
dan natijahnya,
melahirkan tokoh-tokoh luar biasa.

Tokoh-tokoh ini
mewakili pihak masing-masing.

Di pihak kebaikan ialah, seperti:
para nabi
para rasul
para wali
dan sekalian orang-orang saleh.
Sementara di pihak kejahatan pula, seperti:
Fir'aun
Hamaan
Qaroon
Abu Lahab
dan sekalian umat derhaka.

Ah inilah sejarah
namanya : 'sejarah'
adakah ia masih belum hebat?
Tentu saja ia hebat,
malah sungguh hebat
dan luar biasa.
Tidak siapa yang dapat
membohongi sejarah
atau menudungi sejarah,
kerana sejarah itu
memiliki lidah
paling petah
dan paling telus.

Kerana itu,
dipanggillah ia 'guru'.
Ya, sejarah . . .
adalah guru :
guru terhebat
guru sepanjang zaman,
tiada siapapun
yang boleh menandinginya
selaku guru.
Maka bernasib baiklah
bahkan beruntunglah
sesiapa saja yang mahu berguru
kepada sejarah.

ADI RUMI
The Regency,
Kuwait,
19.5.2015.

Alumni UNISSA kendalikan bengkel keusahawanan

SUASANA Bengkel Keusahawanan anjuran Jawatankuasa Ad-Hoc Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersama Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya UNISSA.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 Mei. - Jawatankuasa Ad-Hoc Alumni UNISSA bersama Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya (Universiti Islam Sultan Sharif Ali) UNISSA telah mengambil inisiatif mengadakan bengkel bidang keusahawanan dengan membawa tema 'Usahawan Berteraskan Syara'.

Bengkel Keusahawanan yang diadakan di Bilik Persidangan, Sekolah Perdagangan Brunei tersebut akan dijalankan selama empat hari, bermula 25 sehingga 28 Mei yang lalu.

Bengkel dikendalikan oleh pihak LiveWIRE Brunei, atas nama program 'Become A Successful Owner Manager'.

Bengkel dibukakan khusus untuk graduan-graduan lepasan UNISSA, iaitu para Alumni dan juga pelajar-pelajar tahun akhir di universiti berkenaan.

Seramai 16 peserta yang telah mengikuti bengkel tersebut.

Antara objektif bengkel ialah menimbulkan rasa minat peserta terhadap bidang keusahawanan sebagai pilihan utama, memberi idea atau gambaran mengenai bidang keusahawanan seperti cara untuk memulakan perniagaan dengan cara yang betul, belajar dan mengambil pengalaman daripada usahawan berjaya sama ada dari sektor kerajaan atau persendirian dan mengurangkan peratus pengangguran dalam kalangan graduan.

Ketika ditemu ramah, Pengerusi Jawatankuasa Ad-Hoc Alumni UNISSA, Awang Haji Abdul Rashid mengatakan, bengkel itu merupakan satu inisiatif dan usaha berterusan oleh pihak UNISSA untuk memberikan bantuan kepada graduan-graduan lepasan UNISSA yang masih mencari peluang pekerjaan.

"Semoga para peserta yang mengikuti bengkel itu akan mendapat manfaat dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian, semoga satu hari nanti para pesertanya akan menjadi usahawan yang berjaya," tambahnya lagi.

Lima pasukan bakal bersaing di Perlawanan Kawad PKBN

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mei. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) memaklumkan bahawa Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), KKBS akan mengadakan Perlawanan Kawad Program Khidmat Bakti Negara bagi Tahun 2015 yang akan berlangsung pada Isnin 8 Jun 2015 hingga pada Jumaat 12 Jun 2015. Perlawanan ini adalah buat kali kedua ianya diadakan.

Manakala perlawanan akhir akan diadakan pada hari 13 Jun 2015 pukul 8 pagi di Padang Kawad, Kem Latihan PKBN, Perkampungan Sukan Berakas.

Sebanyak lima pasukan menyertai Perlawanan Kawad PKBN tersebut, iaitu dua pasukan dari PKBN (Alumni); Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pasukan Kadet Polis, Polis Diraja Brunei dan Pasukan Kadet Bomba, Pasukan Bomba dan Penyelamat.

Sebarang pertanyaan atau urusan penyelarasan selanjutnya, sila hubungi Urusetia PKBN melalui talian 2340033 / 2340045 atau faksimile 2341722.